

LAMPIRAN A

GLOSARI

Istilah	Definisi	Sumber
Adjung (<i>Adjunct</i>)	Unsur sekunder dalam suatu binaan linguistik yang boleh digugurkan tanpa menjelaskan binaan tersebut. Contohnya, <i>kelmarin</i> dalam <i>Kereta Perodua Kancil dilancarkan kelmarin</i> .	Kamus Linguistik (1997)
Alternatif (Counterpoint)	Elemen tekstual dan imej menyampaikan maklumat yang berbeza tetapi kedua-dua bergantung antara satu sama lain untuk membawa kesan yang diharapkan.	Nikolajeva dan Scott (2000, ms.232)
Ayat minor (<i>Minor sentence</i>)	Ayat yang tidak mempunyai semua ciri ayat digemari. Contohnya, ayat dalam telegram dan cogan kata.	Kamus Linguistik (1997)
Bertanda (marked)	Dalam pasangan fitur linguistik, terdapat fitur tertentu sama ada ada atau tiada. Contohnya, dalam pasangan bunyi [p] dan [b], bunyi [p] berciri tak bersuara, manakala [b] bersuara. Dalam contoh tersebut, [b], dianggap bertanda kerana memiliki fitur bersuara.	Kamus Linguistik (1997)
Buku bergambar (<i>Picturebook</i>)	Buku cerita bergambar yang menggunakan kedua-dua elemen tekstual dan visual untuk menyampaikan cerita.	Nikolajeva dan Scott (2006)
Finit (<i>Finite</i>)	Fungsi gramatikal dalam klausa yang dapat digunakan untuk menentukan tiga jenis kesahan pada proposisinya, iaitu kala, modaliti dan polariti dalam bahasa Inggeris.	Halliday & Matthiesen (2004, ms.115-116)
Fungsi (<i>Function</i>)	Penggunaan bahasa untuk tujuan tertentu. Antaranya termasuk fungsi komunikatif dan fungsi pengungkapan.	Kamus Linguistik (1997)

Istilah	Definisi	Sumber
Interpersonal	Fungsi bahasa sebagai pertukaran antara penutur dengan pendengar dan penulis dengan pembaca, iaitu cara pengguna bahasa menggunakan bahasa untuk berinteraksi.	Halliday dan Matthiesen (2004)
Kata bantu modal (<i>Modal auxiliary verb</i>)	Kata bantu yang mengungkapkan perasaan yang berkait dengan perbuatan. Contohnya, ingin, mahu, dan hendak.	Kamus Linguistik (1997)
Klausa (<i>Clause</i>)	Salah satu daripada lima unit tatabahasa dalam bahasa Inggeris yang bertaraf rendah daripada ayat, dan terdiri daripada satu kumpulan atau lebih.	Kamus Linguistik (1997)
Komplemen (<i>Complement</i>)	Elemen residu yang berpotensi menjadi subjek tetapi bukan subjek dalam klausa.	Halliday & Matthiessen (2004, ms.122)
Linguistik fungsian (<i>Functional linguistics</i>)	Analisis linguistik yang menekankan hubungan fungsi, seperti yang dilakukan oleh aliran Prague.	Kamus Linguistik (1997)
Modalisasi (<i>Modalization</i>)	Istilah umum bagi ciri tatabahasa atau leksikal yang secara sistematis mengungkapkan kemungkinan dan keseringan.	Kamus Linguistik (1997)
Modaliti (<i>Modality</i>)	mentafsirkan perkara yang tidak menentu di antara “ya” dan “tidak”. Terdiri daripada modalisasi dan modulasi.	Halliday & Matthiessen (2006, ms.147)
Modulasi (<i>Modulation</i>)	Istilah umum bagi ciri tatabahasa atau leksikal yang secara sistematis mengungkapkan kehendak, kemampuan, keizinan, dan keperluan.	Kamus Linguistik (1997)
Mood	Nama elemen struktur interpersonal klausa yang terdiri daripada Subjek + Finit	Halliday & Matthiessen (2004, ms.113)
MOOD	Jenis klausa dalam sistem interpersonal (deklaratif, interogatif atau imperatif), iaitu fungsi ujaran dalam tatabahasa sistem semantik.	Halliday & Matthiessen (2004, ms.113)

Istilah	Definisi	Sumber
MOOD deklaratif (<i>Declarative MOOD</i>)	Mood yang mengungkapkan sikap objektif atau neutral; contohnya, ayat <i>Pengerusi majlis menyampaikan ucapan.</i>	Kamus Linguistik (1997)
MOOD imperatif (<i>Imperative clause</i>)	Mood yang mengungkapkan suruhan, silaan, atau larangan; contohnya, ayat <i>Buatlah karangan ini di rumah.</i>	Kamus Linguistik (1997)
MOOD interogatif (<i>Interrogative clause</i>)	Mood yang mengungkapkan pertanyaan. Contohnya, <i>Apakah yang dikehendakinya?</i>	Kamus Linguistik (1997)
Multimodal	Penyampaian maklumat melalui pelbagai mod termasuk imej visual, elemen reka bentuk, bahasa bertulis dan sumber semiotik yang lain.	Jewitt dan Kress (2003)
Partisipan (<i>Represented participant</i>)	Imej yang terlibat dalam elemen visual, terdiri daripada orang, tempat atau barang.	Kress dan van Leeuwen (2006)
Penambahan (<i>Enhancement</i>)	Elemen tekstual memperluas makna imej atau elemen imej memperluas makna tekstual.	Nikolajeva dan Scott (2000, ms.225)
Percanggahan (<i>Contradiction</i>)	Percanggahan merupakan hubungan yang melampaui maklumat alternatif. Elemen tekstual dan imej seakan memberi maklumat yang sama sekali bertentangan tetapi dapat difahami apabila diletakkan dalam sesuatu konteks mesej yang hendak disampaikan.	Nikolajeva dan Scott (2000, ms.226)
Polariti (<i>Polarity</i>)	Polariti ialah pilihan antara positif dan negatif, seperti ya/tidak, melakukan/ tidak melakukan.	Halliday (1994, ms.88)
Residu	Bahagian selain mood dalam klausa yang terdiri daripada predikator, komplemen dan adjung.	Halliday & Matthiessen (2004, ms.121)

Istilah	Definisi	Sumber
Saling melengkapi (<i>Complementary</i>)	Elemen tekstual dan imej bekerjasama untuk mengukuhkan maklumat yang ingin disampaikan.	Nikolajeva dan Scott (2006, ms.16)
Simetri (<i>Symmetry</i>)	Elemen tekstual dan imej menyampaikan maklumat yang sama.	Nikolajeva dan Scott (2000, ms.225)
Sirkumstan (<i>Circumstance</i>)	Menurut Halliday (1994), sirkumstan dalam sistem transitiviti bahasa Inggeris merupakan (1) tempat atau waktu, (2) lokasi, (3) cara, (4) sebab, (5) lingkungan, (6) masalah, (7) peranan, (8) penyerta dan (9) pandangan (ms.152-158).	Silvana Sinar (2008, ms.39)